



**MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KESEMBILAN BELAS  
MAJLIS MESYUARAT NEGARA**

(JURNAL HARIAN)

---

**PADA HARI ISNIN, 13HB., SYAABAN 1444 / 06HB., MAC 2023  
(HARI KETIGA)**

**1. Doa Selamat.**

**2. PERKARA VI - RANG UNDANG-UNDANG (2023) PERBEKALAN 2023/2024**

2.1. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II telah membentangkan kenyataan mukadimah "**Rang Undang-Undang (2023) Perbekalan, 2023/2024**" yang merangkumi perancangan-perancangan dan hala tuju bagi peruntukan kewangan negara bagi Tahun Kewangan 2023/2024 dengan tema "**Bersatu Membina Masa Depan Yang Lebih Makmur (*Building a Prosperous Future Together*)**". Tumpuan belanjawan kerajaan akan diuruskan kepada 3 fokus utama iaitu:

- i. Memelihara Kesejahteraan Awam;
- ii. Mendukung Pemulihan Negara Yang Inklusif dan Berdaya Tahan; dan
- iii. Pembangunan Modal Insan Yang Dinamik, Proaktif dan Inovatif.

2.2. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II dalam pembentangan mukadimah "**Rang Undang-Undang (2023) Perbekalan, 2023/2024**" telah mengongsikan mengenai prestasi ekonomi Negara Brunei Darussalam yang telah menunjukkan pertumbuhan positif iaitu sebanyak 0.9 peratus yang didorong oleh peningkatan dari beberapa subsektor termasuk Hiliran Minyak dan Gas, Kewangan, Pengangkutan Udara, Perdagangan Borong dan Runcit dan Perikanan. Ekonomi Negara diunjurkan akan berkembang pada kadar 2.6 peratus bagi tahun 2023 sepertimana yang dilaporkan dalam Brunei Economic Outlook 2023.

- 2.3. Walaupun demikian, penglibatan pihak swasta termasuk pengusaha-pengusaha tempatan, *Government-Linked Companies*, Pelaburan Langsung Asing (*FDIs*) adalah perlu untuk diteruskan dan dilipatgandakan dalam membina asas ekonomi yang lebih kukuh, luas, berdaya tahan dan berdaya maju selaras dengan Wawasan Brunei 2035.
- 2.4. Dalam pembentangan mukadimah tersebut, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II juga telah mengongsikan inisiatif-inisiatif kerajaan dalam mendokong 3 fokus utama termasuk membina rangkaian jalanraya, akses kepada bekalan air bersih dan tenaga elektrik, mengembangkan sektor agrimakanan dan pertanian, penambahbaikan skim pencen melalui Skim Persaraan Kebangsaan, pengukuhan sistem kesihatan negara, memanfaatkan teknologi-teknologi digital, menangani isu perubahan iklim dalam mencapai *net zero emissions* dan penyediaan infrastruktur sekolah-sekolah rendah, menengah dan ugama serta Institusi Pengajian Tinggi.
- 2.5. Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd Yussof, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II telah menyokong sepenuhnya Rang Undang-Undang yang dibentangkan tersebut.

---

**[MAJLIS MESYUARAT DITANGGUHKAN DAN AKAN DISAMBUNG SEMULA  
PADA SELASA, 07 MAC 2023 PUKUL 9.30 PAGI]**

---